



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
KHAMIS 27 OKTOBER 2022**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2.	720 BUBU NAGA BERJAYA DIRAMPAS, NEGARA, KOSMO -16 720 BUBU NAGA DIRAMPAS DI JETI NELAYAN, LOKAL, HM -5	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	AGROBANK LULUSKAN 187 PERMOHONAN PROGRAM DPAKM, DPA2 BERNILAI RM41.1 JUTA, BISNES, HM -26	AGROBANK
4. 5. 6. 7.	SIASAT LADANG TELUR ADA BAKTERIA, NEGARA, KOSMO -16 CAKE TIDAK SETUJU HARGA KAWALAN TELUR NAIK 2 SEN, NEGARA, KOSMO -16 IMPORT TELUR BELUM TENTU SELESAI MASALAH, LOKAL, HM -24 TOLAK SYOR IMPORT, APUNG HARGA TELUR, NASIONAL, BH -14	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Susunan Singapura menggantung bekalan telur dari Malaysia

## Siasat ladang telur ada bakteria

Oleh SAFINA RAMLI

GEORGE TOWN - Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa pihak berkuasa menyiasat semua ladang ternakan ayam bagi memastikan pematuhan peraturan keselamatan makanan susulan pergantungan telur keluaran negara ini oleh pihak berkuasa Singapura, baru-baru ini.

Presiden CAP, Mohideen Abdul Kader berkata, pihak berkuasa juga perlu menubuhkan satu jawatankuasa khas untuk menyiasat kelemahan sistem pemantauan berkaitan dengan keselamatan makanan.

Menurutnya, laporan berulang mengenai produk makanan Malaysia yang tidak selamat oleh pihak berkuasa luar negara jelas menunjukkan bahawa pemantauan keselamatan makanan negara tidak mencukupi.

"Laporan mengenai telur dari ladang berkenaan yang digantung oleh pihak berkuasa Singapura baru-baru ini menunjukkan bahawa rakyat Malaysia



RAKYAT Malaysia dianggarkan mengambil atau makan 30 juta telur setiap hari. - GAMBAR HIASAN

ditilai sebagai pengguna kelas kedua apabila melibatkan ke-

selamatan makanan.

"Telur tersebut ditolak ke-

rana didapati tercemar dengan bakteria *Salmonella Enteritidis*

dan amat pelik apabila kejadian ini tidak diketahui oleh pihak berkuasa tempatan kita lebih awal," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Jelas Mohideen, memandangkan keadaan itu ramai pengguna Malaysia mungkin secara tidak sedar telah mengambil telur yang tercemar.

Ujarnya, agak pelik perkara itu berlaku (pencemaran telur) walaupun dianggarkan rakyat Malaysia mengambil 30 juta telur setiap hari.

"Bakteria *Salmonella Enteritidis* menyebabkan cirit-birit, sakit perut, demam, loya dan muntah dan ini bukanlah kali pertama produk Malaysia ditolak di negara luar.

"Antara kejadian yang telah dilaporkan adalah pada 2020, pihak berkuasa Singapura menarik balik telur dari Malaysia memandangkan didapati mengandungi sulfur dioksida yang melebihi had maksimum yang dinyatakan dalam Peraturan Makanan Singapura," jelas Mohideen.

## 720 bubu naga berjaya dirampas

KUALA SELANGOR - Sebanyak 720 unit bubu naga bernilai RM46,800 dirampas dalam operasi sekitar Jeti nelayan Bagan Tengkorak, Tanjong Karang di sini kelmarin.

Bagaimanapun tiada tangkapan dilakukan dalam operasi bermula pukul 6.30 pagi sehingga 1.30 tengah hari.

Jabatan Perikanan Negeri Selangor (JPNS) berkata, operasi itu hasil aduan awam dan aktiviti risikan yang dilaksanakan oleh anggota penguatkuasa.

Katanya, bubu naga adalah sejenis peralatan menangkap ikan tradisional bergerak yang diletakkan di bawah jenis perangkap (portable trap) tidak dibenarkan JPNS.

"Walaupun bubu naga ini boleh dikategorikan sebagai bubu, namun ia mempunyai spesifikasi unik yang telah dikenalpasti iaitu memiliki lebih dua injap bagi setiap unit.

"Hal ini adalah bercanggah dengan Dasar Pelesenan Jabatan Perikanan Malaysia yang hanya melesenkan bubu yang mempunyai tidak lebih dari dua injap bagi setiap unit," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Operasi bersepadu itu turut



BUBU naga yang dirampas di sekitar Jeti nelayan Bagan Tengkorak, Tanjong Karang kelmarin.

melibatkan Maritim Malaysia (APMM) dan Pasukan Gerakan Marin (PPM) dengan melibatkan kekuatan seramai 19 orang.

Jelas JPNS, bubu naga itu sering dipasang pada jarak satu hingga empat batu nautika dari pantai atau daratan yang berhampiran.

"Kebiasaannya satu unit bubu naga ini boleh menangkap antara 10 hingga 20 kg hasil laut.

"Spesies-spesies hidupan laut yang sering terperangkap di dalam bubu naga ini termasuk anak ikan gelama, sotong kurita, ketuka, anak ikan tetanda, ketam, pelbagai spesies udang dan landak laut," ujarnya.

Kes di bawah siasat di bawah Akta Perikanan 1985, 113(b) yang mana tidak membenarkan pemilikan apa-apa peralatan menangkap ikan tanpa lesen.

## Cake tidak setuju harga kawalan telur naik 2 sen

ALOR SETAR - Persatuan Pengguna Kedah (Cake) tidak bersetuju dengan syor Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi supaya harga kawalan telur dinaikkan sebanyak dua sen sebiji kerana ia hanya membebankan pengguna.

Presidennya, Mohamad Yusrizal Yusoff berkata, cadangan untuk mengatasi masalah kekurangan bekalan telur itu tidak sepatutnya diletakkan atas bahu pengguna.

"Bagi syor penambahan subsidi telur, ia mungkin terpaksa dilakukan kerajaan bagi penyelesaian jangka masa pendek.

"Namun, pemberian mahupun penambahan subsidi itu harus bersifat sementara, bukan selama-lamanya," katanya di sini semalam.

Kata beliau, pihaknya turut berharap kerajaan lebih serius dalam usaha menambah dan mengembangkan industri pengeluaran telur dalam negara bagi mewujudkan lebih banyak persaingan.

"Tidak boleh terus menerus nak bagi subsidi, minyak masak pun subsidi. Kerajaan



YUSRIZAL

perlu serius dalam memastikan bekalan makanan negara terjamin dalam jangka masa panjang," jelasnya.

Tambahnya, kalangan pengguna terutama daripada mereka yang berpendapatan rendah serta peniaga makanan mengalami kesukaran disebabkan kenaikan harga dan kekurangan bekalan makanan.

Kelmarin, Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi menolak syor supaya harga telur ayam diapungkan atau diimport dari luar negara meskipun berlaku kekurangan bekalan.



## 720 bubu naga dirampas di jeti nelayan

**Tanjong Karang:** Semakin tidak terkawal. Itu yang berlaku apabila Jabatan Perikanan Negeri Selangor (JPNS) merampas 720 bubu naga di sekitar jeti nelayan Bagan Tengkorak, di sini, semalam.

JPNS menerusi kenyataannya memaklumkan, semua bubu naga berkenaan dirampas menerusi operasi bersepadu dijalankan bersama Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Pasukan Polis Marin (PPM) bermula jam 6.30 pagi.

“Operasi dijalankan hasil aduan awam dan risikan berterusan anggota penguatkuasa. Bagaimanapun, tiada tangkapan dilakukan sehingga jam 1.30 petang,” katanya.

Menurutnya, bubu naga itu dipercayai kerap dipasang pada jarak satu hingga empat batu nautika dari pantai atau daratan berhampiran.

Katanya, bubu naga adalah peralatan menangkap ikan tradisional bergerak yang diletakkan di bawah jenis perangkap tidak dibenarkan JPNS.



ANTARA bubu naga dirampas di sekitar jeti nelayan Bagan Tengkorak.



**Kebiasaannya, satu unit boleh menangkap antara 10 hingga 20 kilogram (kg) hasil laut**

**Kenyataan JPNS**

“Walaupun dikategorikan sebagai bubu namun ia ada spesifikasi unik dikenal pasti iaitu memiliki lebih dua injal bagi setiap unit.

“Ia bercanggah dengan Dasar Pelesenan Jabatan Perikanan yang hanya membolehkan bubu yang mempunyai tidak lebih daripada dua injal,” katanya.

JPNS berkata, semua bubu naga yang dirampas berkenaan dianggarkan bernilai RM46,800.

“Kebiasaannya, satu unit boleh menangkap antara 10 hingga 20 kilogram (kg) hasil laut.

“Spesies hidupan laut yang terperangkap dalam bubu itu termasuk anak ikan

gelama, sotong kurita, ketuka, ketam, udang dan landak laut,” katanya.

JPNS berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 11(3)(b) Akta Perikanan 1985.

“Ia membabitkan kesalahan tidak membenarkan pemilikan apa-apa peralatan menangkap ikan tanpa lesen.

“Jika sabit kesalahan, ia memperuntukkan hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda tidak lebih RM20,000 atau kedua-duanya sekali,” katanya.

27/10/2022

HARIAN  
METRO

BISNES

26

**Kuala Lumpur:** Agrobank menyampaikan replika cek berjumlah RM41.01 juta kepada wakil penerima Pembiayaan Agromakanan Keluarga Malaysia (DPAKM) dan Dana Pembiayaan Agromakanan 2 (DPA2) peringkat negeri Pahang. Penyerahan replika cek disampaikan Menteri Besar Pahang Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank Tengku Ahmad Badli Shah berkata, setakat 15 Oktober 2022, Agrobank menerusi pejabat Wilayah Pahang telah menerima 304 permohonan DPAKM dengan nilai RM75 juta.

"Daripada jumlah ini, sebanyak 187 permohonan diluluskan di bawah program DPAKM dan DPA2 dengan

## Agrobank luluskan 187 permohonan program DPAKM, DPA2 bernilai RM41.1 juta

jumlah pembiayaan keseluruhan bernilai RM41 juta.

"Kami kini sedang memproses pembiayaan daripada dana ini dan dijangka diluluskan pada tahun ini," katanya dalam kenyataan.

Menurutnya, pelaksanaan program DPAKM dan DPA2 yang diperuntukkan sebanyak RM1 bilion di bawah

Agrobank ini dilaksanakan bagi membolehkan

kesinambungan aktiviti pengeluaran makanan negara sektor pengeluaran makanan.

"Menerusi program ini, Agrobank berharap agar ia dapat dimanfaatkan lebih ramai usahawan di seluruh negara.

"Apa yang menariknya program DPAKM ini menawarkan

tempoh pembiayaan yang kompetitif sehingga 8.5 tahun

turut menawarkan Program Pemulih NewBiz yang merupakan antara inisiatif berterusan Agrobank dalam memainkan peranannya sebagai sebuah Institusi Kewangan Pembangunan (IKP) dalam sektor pertanian.

"Ini bagi memenuhi tanggungjawab 'melangkaui perbatasan' dengan menawarkan pelbagai keimudahan yang dapat membantu komuniti terpinggir dan tidak mendapat liputan seperti asnaf selain menyokong individu yang tidak mempunyai pekerjaan namun sentiasa mencari peluang baharu untuk menajana pendapatan, sekaligus meningkatkan taraf sosio-ekonomi diri dan keluarga," katanya.

Menurutnya, selain program pembiayaan lain di bawah DPAKM ini, Agrobank

**Agrobank menerusi pejabat Wilayah Pahang terima 304 permohonan DPAKM**



# Import telur belum tentu selesai masalah

**Putrajaya:** “Saya tidak melihat syor mengimport telur ayam menyelesaikan masalah (kekurangan bekalan). Ini kerana harga telur di luar (import) jauh lebih mahal. Jadi tak mungkin dapat dijual murah di negara kita,” ujar Pengerusi Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi, Tan Sri Annuar Musa.

Menurutnya, opsyen import telur ayam dan mengapungkan harga telur ayam bukan penyelesaian.

“Terdapat kekurangan 96 juta telur ayam sebulan, berikutan pengeluaran bulanan hanya 871.9 juta ber-

banding keperluan sebanyak 968.8 juta telur susulan kenaikan kos pengeluaran.

“Jika harga telur diapungkan, harga dijangka melonjak tidak kurang 12 sen, maka pasukan tidak memperakukan cadangan ini walaupun pengapungan dilihat sebagai satu jalan keluar yang lebih kekal, terutama sekali mengikut pandangan pengeluar di ladang,”

katanya.

Annuar berkata, pasukan mengesyorkan subsidi lapan sen bagi sebiji telur ditambah dua sen, babitkan implikasi kewangan RM20 juta sebulan atau harga kawalan dinaikkan dua sen sebiji.

“  
Pengeluaran  
bulanan hanya  
871.9 juta  
berbanding  
keperluan 968.8  
juta



# Tolak syor import, apung harga telur

† Langkah dianggap tidak selesai isu, akibatkan jadi lebih mahal

Oleh Adibah Hani Hasnan  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi menolak syor supaya harga telur ayam diapungkan atau diimport dari luar negara, walaupun berlaku kekurangan bekalan domestik ketika ini.

Pengerusinya, Tan Sri Annuar Musa, berkata ini kerana pihaknya tidak melihat pilihan itu sebagai satu penyelesaian kepada isu yang berlaku ketika ini terutama mengambil kira kedudukan harga telur di luar negara yang jauh lebih mahal.

"Tidak mungkin kita import telur lebih mahal dan menjualnya pada murah di negara kita...selain itu, kita juga nak jaga industri pengeluaran tempatan.

"Kalau harga telur diapungkan pula, harga dijangka melonjak tidak kurang 12 sen, maka pasukan tidak memperakukan cadangan ini walaupun pengapungan dilihat sebagai satu jalan keluar yang lebih kekal, terutama sekali mengikut pandangan pengeluar di ladang," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat pasukan itu, kelmarin.

Dalam pada itu, beliau mengakui terdapat kekurangan lebih 96



Tinjauan harga telur di kedai runcit dan Pasar Borong Besar Jalan Othman Petaling Jaya.  
(Foto Azlan Hadi Abu Bakar/BH)

juta biji bekalan telur sebulan, berikutan pengeluaran bulanan hanya 871.9 juta biji berbanding keperluan 968.8 juta biji, susulan kenaikan kos pengeluaran.

## Syor tambah subsidi

Bagi menangani isu itu, katanya pasukan berkenaan mengesyorkan supaya subsidi lapan sen bagi sebiji telur ditambah sebanyak dua sen dan ia membabitkan implikasi kewangan RM20 juta sebulan atau harga kawalan sedia ada dinaikkan sebanyak dua sen sebiji.

"Memandangkan opsi ini membabitkan implikasi kewangan dalam keadaan Parlimen dibubarkan, ia sudah dirujuk kepada Perdana Menteri dan Menteri Kewangan ketika mesyuarat berlangsung, kerana keputusan segera perlu dibuat," katanya.

Mengenai harga telur, Annuar berkata, ketika ini harga di peringkat ladang bagi gred A adalah

41 sen sebiji, diikuti gred B (39 sen) dan gred C (37 sen).

Bagaimanapun, beliau berkata kos pengeluaran bagi sebiji telur gred A di peringkat ladang sebagai contoh ialah 51 sen.

"Kalau kos gred A 41 sen dicampur lapan sen (subsidi), maka jumlahnya 49 sen maka pendapatan pengeluar dua sen lebih rendah daripada kos pengeluaran.

"Ini menyebabkan sebahagian penternak mengambil tindakan seperti menghapuskan ayam yang sudah mencapai usia tertentu lebih awal.

"Lazimnya ayam berusia 80 hingga 85 hari masih boleh bertelur, namun terpaksa dilupuskan untuk menjimatkan kos.

"Ayam gantian kepada yang telah disembelih pula pengeluarannya agak perlahan, menyebabkan keseluruhan pengeluaran terus merosot dan ini akan terus menjejaskan bekalan telur dalam negara," katanya.